

Pusat e-Pembelajaran USIM diperhebat

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 23 Jan. - Pusat e-Pembelajaran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang dikenali sebagai Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global atau *Global Open Access Learning Centre* (GOAL Centre) ditubuhkan pada Oktober 2011 bagi membangun, melaksana dan melestarikan e-pembelajaran di situ.

Menurut kenyataan Pusat Komunikasi Strategik USIM, salah satu peranan yang disasarkan kepada GOAL Centre adalah untuk menghasilkan e-kandungan yang unik melalui integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Itu bagi menghasilkan satu bentuk perubahan mampan dalam proses pemindahan atau perkongsian pengetahuan dan penglibatan masyarakat.

"Proses pembudayaan dan pembangunan e-kandungan di USIM telah dimulakan melalui penganjuran pelbagai latihan berkaitan e-pembelajaran, perkongsian amalan terbaik (GOALShare), pemberian anugerah pengguna aktif dikenali sebagai GOALS selain turut mengambil kira

penggunaan teknologi dalam pendidikan sebagai salah satu kriteria kenaikan pangkat.

"Momentum positif itu perlu dipacukan untuk memastikan ilmu yang bermanfaat dapat diserapkan kepada warga USIM, khususnya sewaktu era penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sedang berkembang di negara ini," jelas kenyataan tersebut.

Sementara itu, menurut Pengarah GOAL Centre pertama, Dr. Ernie Suzana Ali, keputusan untuk menganjurkan kolokium e-pembelajaran adalah amat selaras dengan hasrat untuk membudayakan pembangunan e-kandungan yang berlandaskan pedagogi.

"Itu amat bertepatan dengan keperluan untuk mengilmukan masyarakat, khususnya masyarakat Islam di negara ini," katanya.

Manakala Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad menekankan bahawa teknologi boleh memainkan peranan yang meluas dalam meningkatkan ekuiti dan akses.

"Hal ini dapat memberi ruang kepada pendidik untuk memperibadikan pembelajaran dan penga-

jaran dengan memperbanyakkan penglibatan pelajar melalui pelbagai kaedah yang interaktif dan inovatif," katanya.

Bagi Pengarah GOAL Centre yang kedua, Profesor Dr. Rozhan Mohamed Idrus memberitahu, bahawa teknologi telah dan akan terus memainkan peranan penting dalam menggalakkan kesamarataan kepada mereka yang berhasrat mengejar pendidikan.

"Perkara ini merupakan gambaran tepat tentang kaedah terbaik daripada kedua-dua medium pendidikan (konvensional dan atas talian) dalam membawa pendidikan berinovatif kepada pelajar melalui penggabungan pedagogi dan amalan terbaik pengaplikasian teknologi terkini," katanya.

Dalam pada itu, penyelar GOAL Centre, Dr. Najwa Hayaati Mohd. Alwi menjangkakan kolokium e-Pembelajaran USIM itu dapat mencambahkan idea untuk mempelbagaikan pengendalian aplikasi dan kaedah yang sesuai bagi meningkatkan keberkesanan e-kandungan.

Kolokium yang berlangsung di Dewan Kuliah Fakulti Ekonomi Muamalat USIM hari ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.



MUSA AHMAD